

Maklumat Am Kempen Air Selangor X Chatime

1. Kempen Air Selangor x Chatime ("Kempen") dianjurkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. ("Air Selangor").
2. Kempen ini bermula pada 1 November 2022 dan berakhir pada 31 Disember 2022 ("Tempoh Kempen"). Sebarang penyertaan sebelum 12.00 tengah malam 1 November 2022 dan selepas 11.59 malam pada 31 Disember 2022 tidak akan diterima.
3. Air Selangor mempunyai hak untuk melanjutkan, menukar atau menangguhkan Kempen ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua peserta hendaklah mematuhi terma dan syarat sekiranya Kempen ini dilanjutkan, diubah atau ditangguhkan atas apa jua sebab sekalipun.
4. Air Selangor mempunyai hak mengikut budi bicara, mengubah, menambah, menukar, membuang atau meminda mana-mana terma dan syarat Kempen ini tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

Kelayakan Am

1. Kempen ini terbuka kepada semua pengguna domestik Air Selangor (Kod 10) berumur 18 tahun dan ke atas yang telah mendaftar untuk e-Bil buat pertama kali sepanjang Tempoh Kempen.
2. Individu berikut adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:
 - Pengguna Air Selangor yang telah mendaftar untuk e-Bil sebelum Tempoh Kempen.
 - Pekerja Air Selangor.
 - Tidak mempunyai bil air tertunggak .
 - Bukan pengguna aplikasi mudah alih.

Syarat-Syarat Penyertaan

1. Untuk mengambil bahagian, peserta yang layak mestilah mengikuti langkah-langkah berikut:
 - **Langkah 1:** Muat turun aplikasi Air Selangor.
 - **Langkah 2:** Daftar e-Bil melalui aplikasi Air Selangor, laman web atau kaunter perkhidmatan.
 - **Langkah 3:** Peserta haruslah membayar bil air melalui aplikasi Air Selangor.
2. Jika peserta mempunyai lebih daripada satu (1) akaun Air Selangor di bawah satu penama dan kad pengenalan, maka hanya satu (1) akaun layak untuk Kempen ini.
3. Pendaftaran yang tidak lengkap dan/atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana terma dan syarat Kempen ini akan menyebabkan penyertaan dalam Kempen ini terbatal secara automatik tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

Pemilihan Pemenang

1. Pemenang akan dipilih berdasarkan kriteria berikut:
 - a) **Peringkat 1:** Pendaftaran e-Bil baharu.
 - b) **Peringkat 2:** Pengguna aplikasi baharu dan sedia ada.
 - c) **Peringkat 3:** Menggunakan e-Bil untuk membuat pembayaran bil air.
 - d) **Peringkat 4:** Tiada tunggakan bil Air Selangor.

Syarat Baucar

1. Baucar tunai ini boleh ditebus di cawangan Chatime yang mengambil bahagian di Selangor dan Kuala Lumpur. Cawangan yang mengambil bahagian seperti di bawah:
 - a) Chatime @ KL Sentral
 - b) Chatime @ Jakel Mall
 - c) Chatime @ Avenue K (LRT)
 - d) Chatime @ Kota Damansara
 - e) Chatime @ IPC
 - f) Chatime @ UM
 - g) Chatime @ Paradigm Mall
 - h) Chatime @ SS2
 - i) Chatime @ BHP Kayu Ara
 - j) Chatime @ DA Square
 - k) Chatime @ AEON Puchong
 - l) Chatime @ BHP Melawati
 - m) Chatime @ AEON Bukit Tinggi
 - n) Chatime @ Berjaya Times Square
 - o) Chatime @ Sunway Velocity
 - p) Chatime @ Ampang Point
 - q) Chatime @ Kajang
 - r) Chatime @ Shaftsbury Cyberjaya
 - s) Chatime @ AEON Shah Alam
 - t) Chatime @ Plaza Shah Alam
 - u) Chatime @ The Mines
 - v) Chatime @ AEON Mid Valley Megamall
 - w) Chatime @ AEON Mall Sunway Pyramid
2. Baucar tunai ini mesti ditunjukkan semasa penebusan.
3. Baucar tunai ini hanya boleh ditebus sekali sahaja.
4. Baucar tunai ini bukan untuk dijual dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai
5. Baucar tunai ini tidak sah dengan promosi lain.
6. Chatime Malaysia berhak meminda Terma & Syarat ini tanpa notis awal.
7. Baucar tunai ini sah sehingga 30 April 2023 sahaja.

Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah membaca dan memahami terma Dasar Privasi Air Selangor (“Dasar Privasi”) dan dengan ini bersetuju bahawa data peribadi anda akan diproses mengikut Dasar Privasi. Dasar Privasi boleh dirujuk di <https://www.airselangor.com/privacy-notice/>
2. Dengan menyertai Kempen ini, peserta bersetuju untuk mengetepikan sebarang liabiliti, kerugian, hak untuk ganti rugi dan apa-apa jenis tuntutan dan tindakan berpunca daripada penerimaan, pemilikan, penggunaan atau penyalahgunaan hadiah, atau sebarang aktiviti yang berkaitan dengan hadiah, tanpa had, kecederaan, kematian dan kerosakan harta benda.
3. Sebelum menyertai Kempen ini, peserta hendaklah bertanggungjawab dalam memastikan maklumat dan butirannya dikemas kini dengan tepat melalui laman web Air Selangor.
4. Sebarang penyertaan yang lewat tidak akan diterima. Sebarang rayuan tidak akan dilayan.

5. Air Selangor tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan yang lewat atau hilang berpunca daripada penggunaan internet dan/atau lain-lain isu teknikal.
6. Air Selangor tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penyertaan yang tidak layak atau penyertaan yang dibuat secara penipuan.
7. Air Selangor berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana pemenang yang dipilih jika terdapat sebarang pelanggaran terma dan syarat Kempen ini. Air Selangor berhak membatalkan penyertaan palsu atau penyertaan yang disyaki palsu pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen.
8. Setiap pemenang hanya layak mendapat satu (1) hadiah sahaja secara bulanan.
9. Keputusan Air Selangor dalam sebarang perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad. Sebarang permintaan rayuan atau semakan tidak akan dilayan.
10. Air Selangor berhak untuk mengubah, meminda dan/atau mengubah proses, hadiah dan terma & syarat Kempen ini, serta aspek lain Kempen ini sepanjang Tempoh Kempen tanpa sebarang notis awal.
11. Air Selangor, kakitangannya dan pihak lain yang terlibat dalam penganjuran Kempen ini tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang insiden berikut:
 - (a) gangguan daripada pihak yang tidak terlibat sepanjang Tempoh Kempen;
 - (b) sebarang kesilapan teknikal yang berkaitan dengan pendaftaran dan penyertaan; dan
 - (c) sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh penyertaan peserta dalam Kempen ini.
12. Air Selangor berhak untuk membatalkan sebarang pendaftaran yang tidak selari dengan proses dan cara pengurusan Kempen ini, atau pelanggaran atau percubaan untuk melanggar mana-mana terma dan syarat Kempen ini.
13. Air Selangor berhak untuk menolak, menukar atau menggantung sebarang pendaftaran Kempen ini jika berlaku keadaan yang tidak dijangka dan/atau di luar kawalan.
14. Dengan menyertai Kempen ini, peserta telah bersetuju untuk sesi fotografi dan videografi bersama Air Selangor; dan Air Selangor berhak untuk menggunakan hasil sesi fotografi dan videografi tersebut; dan menerbitkan sebarang gambar, video atau butiran peserta dalam media cetak atau elektronik untuk tujuan promosi, pengiklanan, publisiti dan pengumuman tanpa royalti dan/atau bayaran.

Peringatan: Terma dan syarat Kempen ini disediakan dalam bahasa Melayu dan Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan antara kedua-dua versi, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan. Untuk maklumat lanjut mengenai Kempen ini, anda boleh menghubungi Air Selangor melalui laman Facebook rasmi Air Selangor.